

Mohammad Idham bin Abdullah Thani  
No.19, Lorong Saudagar Emas  
Taman Hijrah  
01000 Kangar

**PERLIS**

Melalui:

Setiausaha Sulit Kepada  
DYTM Tuanku Raja Muda Perlis  
Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis  
02600 Arau

**PERLIS**

Mengadap

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed  
Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku  
Hajjah Lailatul Shareen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Ampun Tuanku,

Adapun warkah al-ikhlas ini dipersembahkan dengan penuh hormat dan  
takzimnya serta dengan iringan doa ke hadrat Allah Subhanu Wata'ala mudah-

mudahan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua berada dalam selamat dan kesejahteraannya.

Adalah patik Mohammad Idham bin Abdullah Thani dan pacal didik Maziah binti Mansor dengan hormat dan takzimnya ingin menyembah maklum bahawa patik berdua akan mengadakan Majlis Resepsi Perkahwinan anakanda patik berdua seperti butiran berikut:

Tarikh : 17 Disember 2016 (Sabtu)  
Masa : 12.00 tengah hari  
Tempat : Dewan Sri Murni, Kolej Vokasional,  
Jalan Sek. Derma, 01000 Kangar, Perlis  
Pakaian : Baju Kebangsaan  
Warna Tema Majlis : Emas (Gold)  
Warna Pakaian Petugas : Hijau

Sehubungan dengan itu, patik berdua dengan amat sukacitanya mempersilakan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua untuk bencemar duli berangkat ke majlis berkenaan. Semoga dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua akan memeriahkan lagi majlis tersebut. Bersama-sama ini, patik persembahkan atur cara majlis untuk tatapan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua.

Demikian warkah patik yang tidak sepertinya dengan iringan doa ke hadrat Allah Subahanuh Wata'ala mudah-mudahan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua sentiasa diberkati Allah Subhanu Wataala dan berada dalam keadaan sihat walafiat.

Ampun Tuanku,

Patik dengan segala hormatnya dan takzimnya,

(MOHAMMAD IDHAM BIN ABDULLAH THANI)

## Majlis Resepsi Perkahwinan

Farah Hanani binti Mohamad Idham dengan Muhamad Haiqal bin Zulkifli

---

Tarikh : 17 Disember 2016 (Sabtu)  
Tempat : Dewan Sri Murni, Kolej Vokasional, Jalan Sek. Derma,  
01000 Kangar Perlis.  
Masa Majlis : 11.30 pagi sehingga 3.30 petang  
Jamuan Makan : Dengan *dome* dan juga *buffet*

### Aturcara Majlis :

11.30 pagi	Ketibaan Tetamu
12.00 tengah hari	Keberangkatan tiba DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis ke Bilik Tetamu Kenamaan
12.05 tengah hari	Sesi bergambar dan persembahan cendera-kenangan
12.20 tengah hari	Keberangkatan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis ke dalam Dewan Sri Murni
12.25 tengah hari	Ketibaan pasangan pengantin ke dalam dewan
12.30 tengah hari	Majlis Santapan  Pengantin bersanding  Upacara potong kek  Persembahan selawat, bacaan ayat suci Al-Quran, nyanyian dan sembang santai oleh kumpulan nasyid
2.00 petang	Keberangkatan balik DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis

3.30 petang	Majlis tamat
-------------	--------------

CONTOH